

12 AUG 1997

PERDAGANGAN ELECTRONIK DALAM MSC DICADANG

SERDANG, 12 Ogos (Bernama) -- Pusat Pembangunan Tumpuan Perdagangan Bangsa-bangsa Bersatu (UNTPDC) hari ini mencadangkan agar hubungan dagangan elektronik yang dikenali sebagai Secure Electronic Authentication Link (SEAL) dijadikan satu daripada kegunaan teras Koridor Raya Multimedia (MSC).

Ketua UNTPDC Carlos Moreira berkata SEAL merupakan peringkat pertama kepada kelayakan dan pengesahan bagi Perdagangan Electronik di negara ini dan membekalkan komponen keselamatan bagi traksaksi di MSC.

Jika ianya dijadikan satu aplikasi teras MSC, SEAL akan menyambungkan MSC dengan beberapa projek di 173 negara lain melalui pusat dagangan untuk maklumat perdagangan, katanya kepada pemberita di Universiti Putra Malaysia di sini.

Moreira dan delegasinya kini dalam lawatan empat hari bagi membincangkan kemungkinan menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat SEAL yang menghubungkan MSC kepada Global Trade Point Network (GTPNet) di Amerika Syarikat.

"Perdagangan Electronik memberikan keuntungan terutamanya kepada Industri Kecil dan Sederhana kerana ia membuatkan kegiatan perniagaan lebih cepat, mudah dan murah kerana urusan dagangan dapat dilakukan tanpa banyak halangan," katanya.

Moreira yakin kerajaan Malaysia akan serius bagi menimbang cadangan itu berikutan promosi yang giat dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai projek MSC.-- BERNAMA

AKT MS MAI